

**AUKU dipinda  
memperkukuhkan  
demokrasi kampus:  
Dr Maszlee**

KUALA LUMPUR

**D**ewan Rakyat kelmarin, sebulat suara telah meluluskan Rang Undang-Undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2018 setelah dibacakan buat kali kedua dan ketiga oleh Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik.

Beliau berkata, pindaan itu yang membawa kepada pemansuhan Seksyen 15(2)(c) AUKU bertujuan memberi lebih banyak ruang dan kebebasan kepada pelajar untuk bersuara dan berpolitik di dalam kampus.

Turut diluluskan, dua lagi RUU iaitu Rang Undang-undang Institusi Pelajaran (Tatatertib)(Pindaan) 2018 dan Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2018.

Dalam membentangkan rang undang-undang itu, Maszlee berkata, Kementerian Pendidikan komited untuk memansuhkan peruntukan yang menghalang aktiviti berpolitik di dalam kampus.

Katanya, pindaan AUKU adalah langkah permulaan dan bukan pengakhiran kepada pemansuhan akta terbabit yang dijangka dilaksanakan pada 2020.

"Pindaan ini dibuat bagi pembinaan generasi masa depan dan pemimpin lebih demokrasi pada masa akan datang selain menjadi manifestasi kepada pelaksanaan perubahan yang lebih besar.

"Walaupun pindaan hanya membabitkan satu seksyen, ia secara langsung menghapuskan budaya takut yang membelenggu

mahasiswa dan memberi isyarat jelas kepada golongan itu bahawa mereka kini dilepaskan daripada rantai belenggu terbabit.

"Pindaan ini juga adalah janji yang dibuat kerajaan. Kebebasan itu bagaimanapun datang bersama tanggungjawab," kata beliau yang juga Ahli Parlimen Simpang Renggam.

Pemansuhan Seksyen 15(2)(c) selari dengan transformasi politik yang dibawa oleh kerajaan dalam mengukuhkan institusi demokrasi, terutamanya dalam memberi lebih ruang kepada pelajar universiti untuk bersuara dan terlibat dengan aktiviti politik mengikut sistem demokrasi. Seksyen 15(2)(c) merujuk kepada halangan untuk pelajar universiti terlibat dalam aktiviti politik di dalam kampus.

Kementerian telah mengadakan beberapa sesi kumpulan maklumat bersama pemegang taruh untuk melihat persepsi dan kesediaan pemegang taruh.

Kata beliau, proses itu mengesyorkan agar mempercepatkan pindaan berkaitan pelajar terutamanya dalam memansuhkan Seksyen 15(2)(c) AUKU berhubung halangan untuk pelajar universiti terlibat dalam aktiviti parti politik di dalam kampus.

"Kementerian turut memansuhkan peruntukan yang menghalang pelajar universiti terlibat dalam aktiviti parti politik di



Pindaan ke atas Akta Universiti Dan Kolej Universiti bagi memansuhkan Seksyen 15(2)(c) diyakini akan menyumbang kepada kelahiran generasi yang seimbang dan holistik. FOTO: BERNAMA

# Warga universiti bebas bersuara

**Pindaan ini juga  
adalah janji yang  
dibuat kerajaan. Kebebasan  
itu bagaimanapun datang  
bersama tanggungjawab."**

- Maszlee

dalam kampus iaitu Seksyen 15(2)(c) AUKU melalui pelaksanaan jangka masa pendek," kata Maszlee ketika membentangkan pindaan RUU Universiti dan Kolej Universiti.

Pindaan ini mencipta sejarah baharu kepada negara khususnya kepada mahasiswa yang akhirnya diberi kebebasan untuk berpolitik dan bersuara di dalam kampus.

Maszlee turut berharap agar mahasiswa memanfaatkan peluang ini dengan sebaik-baiknya dengan penuh tanggungjawab.

"Kerajaan komited untuk menghapuskan AUKU demi mengangkat martabat universiti dan para mahasiswa di negara ini. Perkara ini adalah selari dengan hasrat kementerian untuk menghasilkan graduan yang seimbang dan berupaya menyuarakan pendapat mengenai isu semasa.

"Transformasi politik yang dibawa oleh kerajaan mengukuhkan institusi demokrasi terutamanya dalam memberi kebebasan kepada pelajar untuk terlibat dalam aktiviti berpolitik di dalam kampus," kata beliau.



MASZLEE

## MANSUH SEKSYEN 15(2)(C) AUKU: APA KATA PENGURUSAN UNIVERSITI

**S**eseorang pelajar matang dapat beza perkara baik dan kurang baik. Jadi, sekiranya mereka boleh imbangi antara politik dan akademik, saya rasa tak ada halangan. Memansuhkan Seksyen 15(2)(c) ini, saya rasa cukup baik. Mahasiswa generasi yang baharu suka buat sesuatu perkara yang baru. Kita boleh tengok dengan Virtual Reality dan Artificial Intelligence (AI). Akhirnya, pelajar yang keluar dari universiti boleh jadi seorang pelajar yang holistik dalam pelbagai bidang." - Prof Dr Ir Noor Azuan Abu Osman, Timbalan Naib Canselor Akademik Dan Antarabangsa, Universiti Malaysia Terengganu



**P**emansuhan ini beri peluang kepada pelajar universiti untuk berpolitik dan terlibat, menjadikan wacana politik lebih aktif di dalam kampus. Pemansuhan ini penting jika kaitkan universiti-universiti terkemuka luar negara, kita dapati pelajar bebas suarakan pandangan, aktif segala bentuk aktiviti, lebih selesa dan mengundang kepada kebolehpayaan pelajar mengupas, berdebat dan memikirkan secara mendalam sesuatu isu.

Dari sudut positif, ia menjadi wadah yang memberi input sesuai kepada golongan muda dan kepada kepimpinan negara untuk melihat bagaimana pelajar berfikir, kecenderungan pelajar terhadap politik negara pada masa hadapan." - Profesor Dr Durrishah Idrus, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar, Universiti Teknologi Malaysia

**P**indaan ini sebenarnya akan memberi peluang kepada pelajar IPT untuk lebih berfikir secara rasional. Sebagai pengurusan kita perlu menasihati mereka dan langkah ini akan memperkembangkan minda mereka supaya setiap kali, setiap apa yang mereka lakukan, mereka perlu berfikir dengan lebih wajar sebelum melakukan sesuatu perkara. Saya melihat perkara ini dari sudut yang positif, tentang penglibatan pelajar terutamanya dalam politik." - Prof Dr Mohd Roslan Sulaiman, Timbalan Naib Canselor HEPA, Universiti Putra Malaysia

